

Kesediaan Guru Permulaan KPLI (M & R) Lepas IPBA Melaksanakan Aktiviti Kegiatan Ko-kurikulum (GERKO) Di Sekolah

Oleh
BAHARUDIN B. HASSAN

Jabatan Kajian Sosial
Institut Perguruan Bahasa-Bahasa Antarabangsa
Lembah Pantai, 59200 Kuala Lumpur

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kesediaan guru-guru KPLI rendah dan menengah lepasan IPBA melaksanakan aktiviti GERKO. Seramai 97 orang guru telah dipilih sebagai responden kajian. Soal selidik yang dihasilkan sendiri oleh pengkaji digunakan untuk pengumpulan data. Soal selidik merangkumi tiga konstruk iaitu (i) kefahaman tentang kehendak dan prinsip GERKO; (ii) kesediaan melaksanakan aktiviti GERKO di sekolah; dan (iii) kemahiran merancang aktiviti GERKO di sekolah. Data dianalisis dengan statistik deskriptif (peratusan dan kekerapan). Hasil dapatan menunjukkan bahawa guru permulaan (i) secara umum mempunyai tahap kefahaman tentang kehendak dan prinsip GERKO yang baik, (ii) ada pada tahap kesediaan melaksanakan aktiviti GERKO di sekolah yang serdahana atas beberapa sebab, seperti kurang penekanan dari pihak pentadbir, kekurangan alat-alatan dan budaya / pengaruh rakan setugas dan (iii) berpendapat kurang yakin untuk merancang aktiviti GERKO di sekolah kerana keperluan semasa adalah berbeza dengan apa yang di belajar secara teori (kehendak dan prinsip).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Aktiviti ko-kurikulum merupakan satu kemestian di dalam struktur pelajaran negara kita. Pendidikan hari ini mesti berupaya melahirkan insan yang berketrampilan, berilmu, memiliki akhlak yang tinggi serta seimbang dalam aspek perkembangan emosi dan jasmani. Guru yang cemerlang perlu berupaya meningkatkan kualiti pengajarannya bukan sahaja dalam bilik darjah malah di luar kelas, khasnya aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan sukan.

Institut dan maktab perguruan dalam struktur dan sukatan pengajaran dan latihannya memang diberi perhatian yang teliti dalam komponen GERKO, sebagaimana yang ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG). Pelatih-pelatih secara umumnya telah menunjuk satu tahap kefahaman yang agak baik terhadap teori-teori serta kehendak dan prinsip pengelolaan GERKO semasa latihan mereka berada di maktab atau institut perguruan masing-masing.

Bagaimanapun adakah kefahaman teoritikal mereka dapat diaplikasikan atau menyedikan mereka untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti GERKO di sekolah kelak sebagai guru permulaan? Kajian ini sedikit sebanyak cuba mencari jawapan kepada tanda soal ini.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan meninjau kesediaan guru-guru permulaan KPLI (menengah dan rendah) melaksanakan aktiviti-aktiviti GERKO dari dua aspek iaitu kesediaan mereka melaksanakan aktiviti GERKO dan kemahiran merancang aktiviti GERKO. Guru-guru permulaan ini telah menamatkan latihan perguruan mereka dan lulus komponen GERKO. Maka dari aspek pendedahan format dan teori, guru-guru permulaan berkenaan mempunyai tahap pengetahuan yang baik, memandangkan mereka telah lulus komponen GERKO ini.

PERNYATAAN MASALAH

Fokus kajian ini perlu dilihat dari perspektif-perspektif berikut, iaitu pertama guru permulaan KPLI telah didedahkan kepada elemen-elemen pengurusan GERKO semasa mengikuti latihan mereka, dan GERKO merupakan satu komponen asas yang mesti dilulus sebagai memenuhi syarat kelayakan diploma keguruan mereka. Realitinya walaupun semua pelatih telah lulus dan mempunyai kefahaman tentang komponen serta rasional kegiatan GERKO, maklumbalas secara tidak formal (berbualan dengan pelatih lepasan tahun-tahun yang dahulu) telah memberi gambaran seolah-olah kebanyakan mereka tidak begitu bersedia untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti GERKO di sekolah masing-masing.

Seterusnya, dan yang berkaitan, guru-guru permulaan KPLI ini yang menyuarakan ketidakpastian serta kurang persediaan mereka menjalankan aktiviti GERKO, juga didapati menghadapi masalah dalam membuat perancangan aktiviti-aktiviti GERKO di sekolah masing-masing

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian adalah seperti berikut :

- (i) Adakah guru-guru permulaan KPLI (Menengah dan Rendah) lepasan IPBA mempunyai kelulusan dan latihan yang mencukupi dalam komponen GERKO ?
- (ii) Adakah guru-guru permulaan KPLI (Menengah dan Rendah) lepasan IPBA bersedia melaksanakan aktiviti-aktiviti GERKO di sekolah mereka bertugas?
- (iii) Adakah guru-guru permulaan KPLI (Menengah dan Rendah) lepasan IPBA sanggup merancang aktiviti-aktiviti GERKO di sekolah mereka bertugas?

KEPENTINGAN KAJIAN

- (i) Dapatan kajian mungkin memberi maklum balas kepada pihak pengubal polisi dasar dan latihan perguruan untuk memantapkan lagi latihan untuk komponen GERKO.
- (ii) Dapatan kajian mungkin memberi maklum balas kepada pihak pengubal polisi dasar dan latihan perguruan untuk melihat tahap kesediaan dan kemahiran guru-guru permulaan (pasca latihan) dalam usaha mereka menjalankan aktiviti-aktiviti GERKO.

- (iii) Hasil kajian mungkin boleh dijadikan bahan untuk pihak maktab / institut dan pihak BPG khasnya membuat refleksi terhadap sukatan GERKO dan cara peningkatan kesediaan dan kemahiran mereka menjalankan aktiviti GERKO di sekolah mereka bertugas.

OBJEKTIF KAJIAN

Maka, objektif kajian adalah untuk:

- (i) Mengenal pasti kelayakan guru-guru permulaan KPLI lepasan IPBA untuk mengendalikan komponen GERKO
- (ii) Menentukan tahap kesediaan guru-guru permulaan KPLI lepasan IPBA untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti GERKO di sekolah mereka bertugas
- (iii) Menentukan keberkesanan guru-guru permulaan KPLI lepasan IPBA untuk merancang aktiviti-aktiviti GERKO di sekolah mereka bertugas.

TINJAUAN LITERATUR

Kurikulum Pendidikan Sekolah Kebangsaan (2001) perlu digubal supaya pelatih dapat memperoleh kepakaran dalam bidang akademik dan ko-kurikulum. Mengikut Lynch (1997) kurikulum latihan ko-kurikulum (GERKO) perlu mempunyai aspek seperti :

- Teori-teori pendidikan yang berkaitan dengan pengajian aktiviti GERKO
- Komponen latihan kemahiran dan pratikal
- Cara dan kaedah pengurusan / perancangan aktiviti GERKO
- Kaedah pengajaran dan latihan aktiviti GERKO yang sesuai
- Penyediaan bahan-bahan bantu mengajar
- Pengurusan dan pentadbiran pegawai-pegawai aktiviti berkenaan
- Penilaian dan rumusan aktiviti.

Gregson (2003) menyatakan bahawa aktiviti ko-kurikulum (GERKO) perlu melengkapkan guru pelatih dan guru terlatih dengan ilmu pengetahuan yang boleh menjadikan mereka fleksibel dan beranika kebolehan dalam konteks pendidikan kebangsaan yang ingin melahirkan individu yang ‘menyeluruh’ (wholesome individual).

Hartley *et al.* (2002) pula menekankan tentang kepentingan aktiviti GERKO dalam kurikulum pendidikan. Menurut beliau, GERKO atau aktiviti luar kelas adalah elemen yang sangat penting dalam latihan keguruan dan aplikasinya di sekolah di mana pendidik dan pelajar dapat mengenal dan mengaplikasi teori yang dibelajar secara langsung kepada teknik dan cara berbentuk ‘hands-on’.

Kesediaan melaksanakan aktiviti GERKO maka dilihat ada kaitan dengan kemahiran merancang dan terusnya menjalankan sesuatu tindakan untuk mencapai rancangan yang di kemukakan. Diharap kajian peringkat awal ini dapat memberi maklum balas yang dapat membantu memberi satu pandangan terhadap kepentingan GERKO di sekolah-sekolah khasnya.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk Kajian

Kajian ini bersifat penyelidikan kuantitatif yang menggunakan soal-selidik untuk mengumpul data.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah soal-selidik yang dibina oleh pengkaji. Soal-selidik ini terbahagi kepada tiga konstruk utama :

- (i) Kefahaman guru permulaan KPLI lepasan IPBA tentang sukatan dan prinsip aktiviti GERKO
- (ii) Kesediaan guru permulaan KPLI lepasan IPBA melaksanakan /menjalankan aktiviti GERKO di sekolah
- (iii) Kesanggupan guru permulaan KPLI lepasan IPBA merancang dan menyusun aktiviti GERKO di sekolah

Instrumen kajian ini terdiri daripada 16 item (LAMPIRAN A)

Responden Kajian

Responden kajian ini terdiri daripada 97 orang guru-guru permulaan KPLI sekolah rendah dan KPLI sekolah menengah yang telah menamatkan kursus mereka di IPBA dalam bidang Bahasa Inggeris. Mereka telah di hantar ke sekolah sebagai guru permulaan yang bertauliah.

Pengumpulan Data

Maklumat diperolehi berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh responden kajian melalui soal-selidik. Soal-selidik diedarkan sendiri oleh pengkaji kepada responden semasa mereka menghadiri Hari Konvokesyen IPBA 2005. Mereka diberi penerangan dan secukupnya untuk menjawab soal selidik tersebut. Borang akan dikutip dan data akan dianalisis

Kaedah Menganalisis Data

Segala maklumat dan data dianalisis dengan menggunakan pakej analisis berkomputer SPSS versi 12.0 for window. Penganalisan data dalam kajian ini dibuat secara kuantitatif dengan menggunakan statistic deskriptif (peratusan dan kekerapan). Analisis Varians Satu Hala (ANOVA) pada aras kesignifikanan 0.05 telah digunakan untuk menguji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan diantara 2 kumpulan guru permulaan (KPLI-R dan KPLI-M) dalam knostruk kefahaman, kesediaan dan kemahiran.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dihuraikan mengikut topik-topik berikut :

- (i) Kefahaman guru permulaan KPLI (Rendah dan Menengah) lepasan IPBA tentang sukatan dan prinsip aktiviti GERKO
- (ii) Kesediaan guru permulaan KPLI (Rendah dan Menengah) lepasan IPBA melaksanakan / menjalankan aktiviti GERKO di sekolah
- (iii) Kesanggupan guru permulaan KPLI (rendah dan Menengah) lepasan IPBA merancang dan menyusun aktiviti GERKO di sekolah

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Kefahaman guru permulaan tentang sukatan dan prinsip GERKO

Konstruk utama yang difokuskan adalah elemen kefahaman guru permulaan KPLI lepasan IPBA mengenai sukatan dan prinsip GERKO yang didedahkan semasa mereka mengikuti program KPLI. Jadual 1.0 menunjukkan dapatan kajian.

Jadual 1.0 Kefahaman Guru Permulaan tentang Sukatan dan Prinsip GERKO

	KPLI	STS	TS	S	SS	Total (S+SS)
1	R	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	63 (100)	63 (100%)
	M	0 (0.0)	0 (0.0)	15 (44.1)	19 (55.9)	34 (100%)
4	R	2 (3.2)	8 (12.7)	13 (20.6)	40 (63.5)	53 (84.1%)
	M	1 (2.9)	3 (8.8)	11 (32.4)	19 (55.9)	30 (88.3%)
10	R	2 (3.2)	2 (3.2)	21 (33.3)	38 (60.3)	59 (93.6%)
	M	2 (5.9)	2 (5.9)	10 (29.4)	20 (58.7)	30 (88.3%)
13	R	0 (0.0)	3 (4.8)	24 (38.1)	36 (57.1)	60 (95.2%)
	M	1 (2.9)	1 (2.9)	14 (41.2)	18 (52.9)	32 (94.1%)
14	R	3 (4.8)	4 (6.3)	21 (33.3)	35 (55.6)	56 (88.9%)
	M	2 (5.9)	3 (8.8)	14 (41.2)	15 (44.1)	29 (85.9%)

Jadual 1.0 di sebelah menunjukkan keseluruhan responden bersetuju yang mereka faham tentang objektif utama kegiatan GERKO. Untuk kumpulan KPLI-R semua 63 responden (100%) sangat bersetuju mereka faham tentang objektif kegiatan GERKO dan 53 responden (84.1%) pula bersetuju dan faham prinsip aktiviti GERKO adalah jelas.

Bagi responden KPLI-M pula, 34 responden (100%) sangat setuju mereka faham tentang objektif kegiatan GERKO dan 29 responden (85.3%) pula bersetuju mengenai kefahaman tentang rasional aktiviti GERKO adalah penting.

Manakala untuk kedua-dua kumpulan (KPLI (R) & (M)) kurang daripada 13% responden tidak bersetuju yang mereka faham tentang prinsip aktiviti GERKO adalah jelas.

Kesediaan guru permulaan melaksanakan aktiviti GERKO di sekolah.

Konstruk kedua yang difokuskan adalah elemen kesediaan guru permulaan KPLI lepasan IPBA mengenai sukatan dan prinsip GERKO yang didedahkan semasa mereka mengikuti program KPLI. Jadual 2.0 menunjukkan dapatan kajian.

Jadual 2.0 Kesediaan Guru Permulaan Melaksanakan Aktiviti GERKO di sekolah

	KPLI	STS	TS	S	SS	Total (S+SS)
5	R	5 (7.9)	4 (6.3)	20 (31.7)	34 (54.0)	54 (85.0%)
	M	3 (8.8)	4 (11.8)	13 (38.2)	14 (41.2)	27 (79.4%)
6	R	2 (3.2)	2 (3.2)	36 (57.1)	23 (36.5)	59 (93.6%)
	M	2 (5.9)	3 (8.8)	9 (26.5)	20 (58.7)	29 (85.2%)
7	R	0 (0.0)	0 (0.0)	10 (15.9)	53 (84.1)	63 (100%)
	M	0 (0.0)	0 (0.0)	2 (5.9)	32 (94.1)	34 (100%)
8	R	8 (12.7)	10 (15.1)	26 (41.3)	20 (31.1)	46 (72.4%)
	M	4 (11.8)	5 (14.7)	13 (38.2)	12 (35.3)	25 (73.9%)
9	R	3 (4.8)	6 (9.5)	22 (34.9)	32 (50.8)	54 (85.7%)
	M	2 (5.9)	2 (5.9)	12 (35.3)	18 (52.9)	30 (88.2%)
12	R	9 (14.3)	14 (22.2)	21 (33.3)	19 (30.2)	40 (63.5%)
	M	6 (17.6)	7 (20.6)	11 (32.4)	10 (29.4)	21 (61.8%)

Jadual 2.0 di sebelah menunjukkan keseluruhan responden bersetuju yang mereka sedar rintangan dan halangan yang mungkin dihadapi semasa melaksanakan aktiviti GERKO di sekolah. Untuk kumpulan KPLI-R, 63 orang responden (100%) sangat bersetuju bahawa mereka sedar rintangan dan halangan yang mungkin dihadapi semasa melaksanakan aktiviti GERKO di sekolah dan 40 responden (63.5%) pula bersetuju mereka dapat meningkatkan mutu aktiviti GERKO secara positif.

Bagi responden KPLI-M pula, 34 responden (100%) sangat setuju bahawa mereka sedar rintangan dan halangan yang mungkin dihadapi semasa melaksanakan aktiviti GERKO di sekolah dan 21 responden (61.8%) pula bersetuju dapat meningkatkan mutu aktiviti GERKO secara positif.

Manakala kedua-dua kumpulan (KPLI (R) & (M)) kurang daripada 23% responden tidak bersetuju bahawa mereka dapat meningkatkan mutu aktiviti GERKO secara positif.

Kesanggupan guru permulaan merancang aktiviti GERKO di sekolah

Konstruk ketiga yang difokuskan adalah elemen kesanggupan guru permulaan KPLI lepasan IPBA merancang aktiviti GERKO di sekolah. Jadual 3.0 menunjukkan dapatan kajian.

Jadual 3.0 Kesanggupan Guru Permulaan Merancang Aktiviti GERKO di sekolah

	KPLI	STS	TS	S	SS	Total (S+SS)
2	R	11 (17.5)	36 (57.1)	10 (15.9)	6 (9.5)	16 (25.4%)
	M	8 (23.5)	22 (64.7)	4 (11.8)	0 (0.0)	14 (11.8%)
3	R	24 (38.1)	26 (41.3)	9 (14.3)	4 (6.3)	13 (20.6%)
	M	10 (29.4)	18 (52.9)	4 (11.8)	2 (5.9)	6 (17.7%)
11	R	31 (49.2)	30 (47.6)	2 (3.2)	0 (0.0)	3 (3.2%)
	M	12 (35.3)	20 (58.7)	2 (5.9)	0 (0.0)	2 (5.9%)
15	R	21 (33.3)	35 (55.6)	6 (9.5)	1 (1.6)	7 (11.1%)
	M	12 (35.3)	16 (47.0)	5 (14.7)	1 (2.9)	6 (17.6%)
16	R	26 (41.3)	22 (34.9)	11 (17.5)	4 (6.3)	15 (23.8%)
	M	14 (41.2)	13 (38.2)	5 (14.7)	2 (5.9)	7 (20.6%)

Jadual 3.0 di sebelah menunjukkan kebanyakan responden tidak banyak yang bersetuju bahawa mereka dapat memberi cadangan perancangan aktiviti di sekolah. Untuk kumpulan KPLI-R pula sebanyak 16 responden (25.4%) sangat bersetuju. Mereka dapat menyediakan satu perancangan GERKO yang mantap disekolah.

Bagi responden KPLI-M pula, 7 responden (20.6%) sangat setuju bahawa perancangan aktiviti GERKO di sekolah perlu ditugaskan khas kepada beberapa orang guru tertentu sahaja dan 2 responden (5.9%) pula bersetuju bahawa sukatan aktiviti GERKO di sekolah patut disediakan oleh guru GERKO berkenaan.

Manakala untuk kedua-dua kumpulan (KPLI (R) & (M)), seramai 36 responden (57.1%) tidak dapat memberi cadangan perancangan aktiviti GERKO di sekolah.

DAPATAN HASIL KAJIAN DARI SOALAN TERBUKA

Di hujung soal-selidik satu soalan terbuka telah dikemukakan. Soalan itu ialah:

‘Pada pendapat anda apakah halangan yang anda hadapi semasa menjalankan aktiviti ko-kurikulum di sekolah?’

Bukan semua responden yang menjawab soalan ini, tetapi hasil dapatan dari responden-responden yang memberi pandangan boleh di rumuskan mengikut kategori-kategori tertentu seperti

- Tidak menjawab : 41 (42.3%)
- Menjawab (Tidak bermakna) – satu perkataan. Contoh, ‘ya’ - 23 (23.7%)
- Menjawab (bermakna) : 33 (34.2%)
- Sebab / Halangan yang di dapati
 - a. kurang ‘tekanan’ dari pihak pentadbir
 - b. guru lain tidak memberi perhatian yang serius
 - c. murid-murid kurang minat
 - d. kekangan masa
 - e. kekurangan alat-alatan

RUMUSAN HASIL KAJIAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa :-

- i. Guru-guru permulaan KPLI (Menengah dan Rendah) lepasan IPBA mempunyai kelulusan dan latihan yang mencukupi dalam komponen GERKO. Seterusnya mereka memahami akan sukatan dan prinsip kendelitaan GERKO di tahap yang amat baik

- ii. Guru-guru permulaan KPLI (Menengah dan Rendah) lepasan IPBA secara umum adalah bersedia untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti GERKO di sekolah mereka bertugas. Bagaimanapun persediaan mereka sering tidak di gunakan oleh pihak pentadbir kerana aktiviti ko-kurikulum tidak dititikberatkan oleh pihak pentadbir
- iii. Guru-guru permulaan KPLI (Menengah dan Rendah) lepasan IPBA kurang sanggup merancang aktiviti-aktiviti GERKO di sekolah mereka bertugas. Ini disebabkan oleh beberapa aspek, diantaranya, kurang dorongan dari rakan setugas, murid yang tidak berminat dan kekurangan alat-alatan yang sesuai serta kekangan masa.



RUJUKAN

- Bell, M. (1999) *Extra Curricular Activities in schools*. London : Routledge & Kegan Paul
- Gregson, B.D. (2003) *Activities outside classroom : Tasks and Activities*. New Jersey : Open U Press
- Hsartley, A. *et al.* (2002) *Practical Tasks for students*. New York : Cambridge University Press.
- Kurikulum Pendidikan Sekolah Kebangsaan (Menengah) Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur Malaysia

LAMPIRAN A

Item-item Instrumen Kajian

1. Saya faham tentang objektif utama kegiatan GERKO.
2. Saya dapat memberi cadangan perancangan aktiviti GERKO di sekolah.
3. Saya dapat menyediakan satu perancangan GERKO yang mantap di sekolah.
4. Prinsip aktiviti GERKO adalah jelas.
5. Saya faham cara melaksanakan aktiviti GERKO di sekolah.
6. Langkah pelaksanaan GERKO telah dijelaskan kepada saya semasa latihan perguruan.
7. Saya sedar rintangan/halangan yang mungkin dihadapi semasa melaksanakan aktiviti GERKO di sekolah.
8. Pelaksanaan GERKO di sekolah memerlukan sokongan yang berterusan dari pihak ibu bapa.
9. GERKO adalah penting untuk perkembangan insan secara menyeluruh dan seimbang.
10. Penerangan yang mencukupi diberi mengenai cara penilaian kegiatan GERKO.
11. Sukatan GERKO aktiviti GERKO di sekolah patut disediakan oleh guru GERKO berkenaan.
12. Saya dapat meningkatkan mutu aktiviti GERKO secara positif.
13. Kegiatan GERKO telah dilaksanakan mengikut rancangan yang teratur di institut/maktab perguruan.
14. Kefahaman tentang rasional aktiviti GERKO adalah penting.
15. Saya boleh dan sanggup merancang aktiviti GERKO.
16. Perancangan aktiviti GERKO di sekolah perlu ditugaskan khas kepada beberapa orang guru tertentu sahaja.